

# Penerimaan Schoology Dalam Pembelajaran Secara Kolaboratif

Nor Azimah Binti Ibrahim  
Hazura Mohamed  
Hairulliza Mohd Judi

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.

## ABSTRAK

*Manfaat yang terdapat dalam teknologi Web 2.0 telah menjadikan Facebook antara platform rangkaian sosial yang popular sebagai medium pembelajaran. Kelebihan yang terdapat pada teknologi Web 2.0 ini memberi manfaat kepada pengguna internet untuk saling berinteraksi dan berkolaboratif. Namun begitu, pelbagai isu negatif yang timbul berkenaan penggunaan Facebook bagi tujuan pembelajaran. Antara isu yang sering dibangkitkan ialah berkenaan isu privasi dan keselamatan data. Kini dengan wujudnya platform pembelajaran sosial Schoology, persekitaran pembelajaran menjadi lebih formal dan selamat untuk digunakan oleh pelajar. Sehubungan itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai sikap pelajar terhadap penggunaan Schoology bagi tujuan pembelajaran secara kolaboratif. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap Schoology daripada segi kemudahan dan kebergunaannya. Teori model penerimaan teknologi (TAM) digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan tiga pembolehubah. Pembolehubah tersebut ialah persepsi kemudahan, persepsi kebergunaan serta sikap pelajar terhadap pembelajaran secara kolaboratif. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk 'one-shot case study' dengan mendapatkan data daripada 31 orang pelajar Kolej Komuniti Bentong. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23.*

## 1. PENGENALAN

Kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia telah mengubah landskap internet negara sejak beberapa tahun yang lalu. Berdasarkan laporan Kaji Selidik Penggunaan Internet 2017 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, MCMC (2017), jumlah pengguna internet di Malaysia pada tahun 2016 adalah dianggarkan seramai 24.5 juta pengguna. Berlaku pertambahan sebanyak 0.4 juta pengguna berbanding pada tahun 2015. Pertambahan ini menunjukkan satu perkembangan yang positif yang mana rakyat Malaysia kini kian sedar akan kepentingan aplikasi internet pada kehidupan seharian mereka. Internet kini telah menjadi satu keperluan untuk dimanfaatkan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang pendidikan.

Pengguna internet paling ramai terdiri daripada remaja yang berumur antara 20 hingga 29 tahun (MCMC 2017). Golongan mereka ini digelar sebagai *digital native* kerana mereka telah membesar dalam era teknologi maklumat dan dibesarkan oleh mereka yang juga celik ICT. Mereka telah terbiasa dengan ICT dan menggunakannya tidak mengira tempat atau masa. Hasil kajian yang dilakukan oleh Normah et al. (2013) menunjukkan bahawa tahap kebergantungan remaja terhadap internet adalah tinggi dan mereka bergantung kepada internet melebihi enam jam sehari. Hasil kajian mereka mendapati bahawa Facebook adalah laman jaringan sosial yang paling disukai oleh remaja untuk bersembang diikuti oleh Twitter, Yahoo Messenger, Skype, MySpace dan Tagged.

Pendapat tersebut turut disokong oleh Tulgan (2013) yang menyatakan bahawa salah satu daripada lima trend semasa yang membentuk *digital native* ini adalah laman jaringan sosial. Laman jaringan

sosial kini menjadi platform popular yang paling digemari golongan muda. Laman jaringan sosial ini memenuhi keperluan sosial mereka bagi tujuan bersembang, menambah kenalan dan berkongsi minat bersama rakan-rakan (Normah et al. 2013). Pada asasnya laman jaringan sosial ini dibangunkan atas ideologi dan teknologi Web 2.0 (Kaplan & Haenlein 2010). Ciri-ciri yang terdapat pada teknologi Web 2.0 seperti penglibatan pengguna internet, kandungan web yang dinamik, keterbukaan dan kebebasan telah berjaya menarik minat golongan muda ini untuk menggunakan laman jaringan sosial.

## 1.1 PENYATAAN MASALAH

Tahap penggunaan e-pembelajaran di Kolej Komuniti boleh dikatakan berada pada tahap yang rendah. Ini disebabkan tiada e-pembelajaran yang dikhususkan penggunaannya di Kolej Komuniti. Berbanding di Politeknik dan IPTA di Malaysia yang lain telah sedia ada menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran masing-masing. Kebanyakan e-pembelajaran sedia ada yang digunakan di IPTA pada masa kini telah tersedia kemudahan berasaskan teknologi Web 2.0 seperti forum, wiki dan lain-lain. Penyediaan ciri-ciri ini telah mengubah kaedah interaksi antara pensyarah dan pelajar dan juga antara pelajar dengan pelajar. Kemudahan ini sepatutnya dapat memberi manfaat kepada pelajar untuk menyumbang kepada penghasilan isi kandungan dan tidak lagi hanya sebagai pengguna yang pasif. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Hafiz, Watson dan Edwards (2010) mendapati pelajar Malaysia kurang aktif dalam menyumbangkan maklumat dan kandungan ke dalam aplikasi Web 2.0 tersebut. Ini bertentangan dengan konsep pembelajaran kolaboratif yang sepatutnya memerlukan pelajar sentiasa aktif dalam sesi P&P. Beberapa kajian berkenaan Schoology (Schlager 2016);(Ab Aziz & Mohammad Taufiq 2017) sebelum ini juga hanya tertumpu kepada sikap pelajar terhadap penggunaan teknologi baharu tanpa mengkaji sikap sebenar pelajar dalam menggunakan teknologi kolaboratif pada Schoology.

Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan pelajar tidak berminat untuk aktif menggunakan e-pembelajaran sedia ada. Antara faktor yang dikenalpasti oleh Mohamed Amin Embi (2010) ialah ciri-ciri, kandungan dan kemudahan aplikasi pada e-pembelajaran tidak menarik seperti yang terdapat pada Facebook. Facebook menjadi antara alternatif bagi pensyarah selain menggunakan LMS sedia ada di kebanyakan IPTA (Mohamed Amin Embi, 2010). Antara faedah Facebook bagi tujuan pembelajaran ialah ia membenarkan para pelajar berkongsi kandungan pembelajaran, menulis komen, menulis status pada “wall”, berbincang dan sebagainya. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang dikenalpasti sekiranya Facebook digunakan bagi tujuan pembelajaran. Antaranya ialah berkenaan isu keselamatan maklumat pelajar dan privasi. Wujud juga gangguan untuk fokus kepada pembelajaran dengan adanya iklan dan juga paparan status yang tidak berkaitan dengan pembelajaran yang membuatkan pelajar mudah leka. Kebanyakan pensyarah tidak sedar akan kewujudan laman jaringan sosial berbentuk akademik ini yang dapat dimanfaatkan dalam aktiviti pembelajaran iaitu Schoology.

Menurut Masrom dan Hussein 2008 dalam (Ahmed Tajudeen et al. 2011), apabila seseorang pengguna ditawarkan untuk menggunakan suatu pakej perisian yang baharu, beberapa faktor akan mempengaruhi keputusan pengguna tersebut tentang bagaimana dan bila mereka akan menggunakannya. Penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran baharu iaitu Schoology ini dianggap sebagai faktor penting yang menentukan kejayaan pelaksanaan e-pembelajaran tersebut. Sehubungan dengan itu, penerimaan suatu sistem pembelajaran perlu melibatkan suatu kajian sistematik bagi menguji keberkesanan, manfaat penggunaan dan pelbagai aspek lain yang berkaitan, (Alvino dan Persico 2009). Aspek-aspek tersebut melibatkan kualiti bahan pembelajaran, kaedah penyampaian dan juga keberkesanan aktiviti kolaboratif antara pengguna sistem. Selain itu, aspek kesesuaian, mesra pengguna dan keupayaan sistem untuk digunakan bagi tujuan berkomunikasi secara *synchronous* dan *asynchronous* juga turut dinilai.

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Bagi memastikan objektif kajian tercapai dan seterusnya memastikan perjalanan kajian terancang dan teratur, persoalan kajian telah dikenal pasti seperti berikut:

- i. Apakah tahap persepsi pelajar terhadap kemudahgunaan dan kebergunaan terhadap Schoology?

- ii. Apakah sikap pelajar dalam mengaplikasikan Schoology dalam pembelajaran secara kolaboratif?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara persepsi kemudahan dan kebergunaan terhadap sikap pelajar dalam mengaplikasikan Schoology dalam pembelajaran kolaboratif?

## 2. KAJIAN SUSASTERA

### 2.1 Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif adalah proses pembelajaran yang melibatkan sekumpulan pelajar saling bekerjasama dalam menyelesaikan masalah dan menyiapkan tugas (Dillenbourg 1999; Laal dan Laal 2012). Persekitaran pembelajaran kolaboratif membolehkan pengetahuan saling dikongsi dan berpindah dalam kalangan pelajar yang mempunyai minat dan matlamat yang sama (Brindley, Walti & Blaschke 2009). Berdasarkan definisi pembelajaran kolaboratif yang diberikan, pelbagai faedah yang bakal diperoleh oleh para pelajar hasil daripada pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif.

Dillenbourg (1999) turut menerangkan terdapat empat proses yang terlibat semasa aktiviti kolaboratif dilaksanakan. Proses pertama ialah induktif iaitu proses percambahan idea akan berlaku. Kedua ialah proses beban kognitif dimana pelajar saling berkongsi maklumat dan idea bagi menjadikan sesuatu tugas lebih mudah untuk dilaksanakan. Ketiga ialah penerangan-kendiri melibatkan pemahaman sendiri seseorang akan mempengaruhi aktiviti perbincangan dalam kumpulan kolaboratif. Keempat ialah konflik akibat daripada percanggahan pendapat antara ahli kumpulan. Proses terakhir adalah kesan yang diperoleh hasil daripada pembelajaran secara kolaboratif. Kelima-lima proses ini menjadikan aktiviti kolaboratif dalam kalangan pelajar lebih efektif dan efisien.

E-pembelajaran memberi peluang kepada semua pelajar untuk berdiskusi dan berkomunikasi secara dalam talian (Taranto et al. 2011), yang mungkin tidak berlaku di dalam sesi P&P secara tradisional di dalam kelas. Kelebihan e-pembelajaran yang menyokong pembelajaran secara kolaboratif telah banyak dihuraikan dalam kajian penyelidikan yang lepas. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Smith (2013) mendapati pelajar lebih bersemangat untuk mengambil bahagian dalam perbincangan secara dalam talian berbanding perbincangan secara bersemuka.

Kajian yang dilakukan oleh Kalayci dan Humiston (2015) pula mendapati platform pembelajaran kolaboratif yang digunakan iaitu Moodle memberi impak positif terhadap sikap pelajar untuk belajar secara berkumpulan. Menurut pelajar, sesi pembelajaran secara berkumpulan membolehkan pelajar lemah dapat dibantu dan sesi pembelajaran menjadi lebih aktif.

### 2.2 Ciri-Ciri Web 2.0 Dan Media Sosial

Menurut Boulos dan Wheeler (2007), Web 2.0 digelar '*Social Web*' kerana kandungan webnya dapat ditulis dan dipapar dengan mudah disamping memanfaatkan kepakaran pengguna internet secara kolektif. Perbezaan utama Web 1.0 dengan Web 2.0 adalah daripada segi penglibatan pengguna yang lebih besar dalam membina dan menguruskan isi kandungan, yang mana ini menukar sifat dan nilai sesuatu maklumat. Web 2.0 juga mampu mengklasifikasikan maklumat dan membolehkan carian maklumat dilakukan secara kolektif. Teknologi AJAX adalah singkatan bagi *Asynchronous JavaScript and XML technique* yang digunakan pada Web 2.0 menjadikan laman Web 2.0 lebih responsif dan pantas dalam memproses kehendak pengguna (Chaudhry 2007).

Menurut Mao (2014), media sosial membolehkan pengguna untuk melibatkan diri dalam pelbagai jaringan komuniti dalam talian melalui komunikasi, interaksi, perkongsian, berkolaboratif dan mengurus kandungan web. Terdapat pelbagai media sosial yang dibangun pada masa kini bagi tujuan pembelajaran. Antaranya seperti yang disenaraikan oleh Gundecha dan Liu (2014) iaitu (a) laman jaringan sosial seperti Facebook, Instagram, and LinkedIn, (b) laman perkongsian video dan gambar seperti YouTube dan Flickr dan juga (c) blog iaitu laman penghasilan jurnal yang mengandungi teks dan kandungan multimedia. Penerapan penggunaan media sosial dalam sesi P&P menjadikan persekitaran pembelajaran menjadi lebih mudah dan efisien (Olga Pilli 2014). Menurut Al-Rahmi dan

Zeki (2016) penggunaan media sosial dalam konteks pembelajaran memberikan impak positif apabila pelajar saling memberi sokongan dan menghargai karya kreatif masing-masing.

### 2.3 Laman Jaringan Sosial Facebook

Facebook menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dengan kaedah perbincangan dan memberikan idea atau pendapat (Li, Ganesha & Xu 2012). Ini terbukti berdasarkan hasil kajian yang dilakukan oleh Gonzalez, Llopis dan Gasco (2016) mendapati 22 kajian berkenaan topik pembelajaran secara kolaboratif dilakukan terhadap Facebook berbanding topik-topik perbincangan yang lain. Kepelbagaian aplikasi yang disediakan Facebook membantu mereka untuk berkolaboratif dan saling membantu antara satu sama lain dalam sesi soal jawab dalam pembelajaran (Racham & Firpo 2011). Para pelajar juga didapati sangat aktif dalam melakukan aktiviti komunikasi dan berkolaboratif di dalam kelas. Menurut Lampe, Yvette Wohn dan Vitak (2011) pula, aktiviti kolaboratif ini dapat mengatasi kekangan masa dan jurang komunikasi dalam proses pembelajaran. Selain memberi keseronokan, aplikasi Facebook juga dapat menjadi medium pembelajaran secara tidak formal (Cain & Policastri 2011). Misalnya pelajar boleh menggunakan Facebook untuk menambah pemahaman bagi sesuatu silibus dengan kaedah pembelajaran secara sendiri.

Disebalik pelbagai kelebihan yang telah dinyatakan ini, terdapat juga beberapa kajian yang menunjukkan Facebook memberi impak negatif kepada prestasi pembelajaran pelajar. Menurut Esteves (2012), terlalu banyak gangguan yang wujud ketika menggunakan Facebook bagi tujuan pembelajaran. Kajian beliau menunjukkan terdapat pelajar yang menghabiskan masa hanya dengan membaca profil, komen dan status rakan daripada melaksanakan tugas pembelajaran. Selain itu, aplikasi Facebook yang menarik menjadikan sebilangan pelajar menjadi ketagih untuk melayari Facebook secara berlebihan (Sukru & Salih 2014). Pengurusan masa yang tidak cekap serta kelemahan pelajar dalam mendisiplinkan diri akan menyebabkan pencapaian akademik mereka terjejas.

### 2.4 Platform Pembelajaran Sosial (PPS)

Laman jaringan sosial menjadi alternatif bagi pensyarah selain menggunakan LMS sedia ada di kebanyakan IPT (Mohamed Amin Embi, 2010). Kebiasaannya media sosial dan LMS digunakan secara berasingan bagi menjadikan sesi P&P lebih efektif (Petrovic et al. 2014). Kini dengan adanya platform pembelajaran sosial yang menggabungkan laman jaringan sosial bersama-sama dengan LMS menjadikan situasi pembelajaran menjadi lebih formal. Laman web ini dikenali sebagai Platform Pembelajaran Sosial (PPS) yang dapat menghubungkan pelajar, pensyarah dengan modul pembelajaran (Brinton & Chiang 2014).

Menurut June Lee, Yunoug Lee dan Mi Hwa Kim (2015), laman jaringan sosial khusus bagi tujuan pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai 1) alat bagi membentuk hubungan sosial di antara pensyarah dan pelajar dan menggalakkan pendidikan dalam ruangan maya dan 2) perkhidmatan yang menyediakan sistem maklumat berasaskan web sebagai tempat pertukaran maklumat dan komunikasi. Selain itu sebagai tempat untuk menjana maklumat, berkongsi, dan menghubungkan maklumat yang berkaitan dengan pengajaran dan menjadi rujukan pelajar.

PPS ini dilengkapi dengan komponen utama pada LMS seperti perpustakaan, kuiz, tugas dan sebagainya (Durak 2017). PPS memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah menggunakan aplikasi yang terdapat pada laman sosial seperti Facebook tetapi menyingkirkan kandungan web yang tidak sesuai dan mengurangkan risiko privasi dan keselamatan. Antara PPS yang popular digunakan di Malaysia ialah Edmodo dan Schoology. Kedua-dua PPS ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Namun Schoology mempunyai beberapa kelebihan berbanding Edmodo. Antara kelebihan tersebut ialah Schoology menawarkan kemudahan analitik bagi membolehkan pensyarah mengetahui kekerapan pelajar mengambil bahagian dalam penggunaan Schoology pada setiap kursus, tugas dan sesi perbincangan. Selain itu juga, Schoology dapat merekod kedatangan pelajar dengan lebih mudah.

#### 2.4.1 Schoology

Schoology merupakan sebuah platform pembelajaran sosial percuma yang khusus digunakan bagi tujuan P&P. Schoology dibangunkan oleh Jeremy Friedman, Ryan Hwang and Tim Trinidad pada tahun 2007 (Schoology 2017). Seperti Edmodo, Schoology juga turut menawarkan akaun percuma kepada para pensyarah, pelajar dan ibu bapa. Menurut kajian yang dilakukan oleh Lee Kean Wah, Tan Choon Keong, Denis Lajuma dan Ng Shi Ing (2013), Schoology menjadikan proses komunikasi serta kolaboratif dalam kumpulan menjadi lebih dinamik dan interaktif.

Ciri-ciri utama pada Schoology yang boleh diguna bagi tujuan komunikasi dan kolaboratif ialah kursus, sumber, perbincangan dan kumpulan. Kursus berfungsi sebagai elemen utama dimana platform pembelajaran dalam talian bermula. Membina kursus di platform Schoology membolehkan pensyarah untuk memberi arahan, memberi grad, dan berkomunikasi dengan para pelajar. Sumber digunakan untuk menyimpan dan berkongsi pelbagai bahan pembelajaran antara pensyarah dan para pelajar. Kemudahan perbincangan dan kumpulan pada Schoology pula digunakan bagi tujuan melakukan perbincangan. Ciri-ciri ini membolehkan pelajar saling berinteraksi bagi mendapatkan segala maklumat tentang aktiviti kelas dan juga berkongsi bahan pembelajaran.

#### **2.4.1.1 Ruang perbincangan utama**

Teknologi kolaboratif utama yang terdapat pada Schoology adalah ruang perbincangan utama. Alatan ini merupakan ruang utama bagi melaksanakan perbincangan bersama pensyarah dan semua pelajar di dalam kelas. Pada ruangan ini, pelajar dapat saling mengusul isu, pendapat, idea dan berbincang berkenaan aktiviti P&P. Penghantaran maklumat dapat dilakukan ketika pelajar berada pada lokasi yang sama atau berbeza. Ruang perbincangan ini sangat mirip kepada ruang status pada Facebook. Ahli kumpulan dalam ruang perbincangan ini boleh memberi maklum balas dengan cara menekan butang *reply* dan/atau *like*.


#### **2.4.1.2 Ruang perbincangan kumpulan kecil**

Schoology juga membolehkan perbincangan dilakukan dalam kumpulan-kumpulan kecil. Misalnya dalam melaksanakan tugas atau projek secara berkumpulan berdasarkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Aplikasi kumpulan pada Schoology ini dapat menyekat pelajar daripada kumpulan yang berbeza untuk mengetahui tentang status tugas atau projek yang dilakukan oleh kumpulan yang lain.

### **2.5 KEPELBAGAIAN MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI**

Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*: TAM) sebagai garis panduan dalam menentukan penerimaan pelajar Kolej Komuniti Bentong terhadap penggunaan Schoology. Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*- TAM) adalah salah satu model yang diguna bagi mengetahui dan mengukur tahap penerimaan pengguna terhadap teknologi baharu. TAM merupakan teori yang diadaptasi daripada Teori Tindakan Beralasan (*Theory of Reasoned Action* - TRA). Davis (1989) menggunakan teori TRA tersebut untuk mengembangkan persepsi pengguna dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi tersebut. Hasil daripada kajian tersebut terhasilnya TAM yang mana Davis (1989) mengusulkan bahawa penerimaan sistem baharu dipengaruhi oleh kebergunaan dan kemudahgunaan sesuatu sistem. Rajah menunjukkan model asal TAM yang dibangunkan oleh Fred Davis pada tahun 1986 (Davis, 1986). Model penerimaan Teknologi TAM terdiri daripada lima unsur iaitu persepsi kebergunaan, persepsi kemudahgunaan, sikap terhadap penggunaan, keinginan bertingkah laku dan penggunaan sebenar sistem. Sikap terhadap penggunaan dipengaruhi oleh dua pembolehubah utama iaitu persepsi kebergunaan dan persepsi kemudahgunaan. Kedua-dua pembolehubah ini dapat menjelaskan sikap dan keinginan bertingkah laku bagi pengguna.






Rajah 1: Technology Acceptance Model, TAM ( Sumber: Davis, 1989)

### 2.5.1 CADANGAN MODEL PENERIMAAN SCHOOLGY

Rajah 2 menunjukkan model kajian yang diadaptasi daripada model TAM asal. Kajian ini hanya melibatkan tiga pemboleh ubah iaitu persepsi kebergunaan, persepsi kemudahgunaan dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif menggunakan Schoology. Model TAM ini mengusulkan bahawa persepsi kebergunaan dan kemudahgunaan mempunyai kesan secara langsung terhadap sikap pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif.



Rajah 2: Cadangan model untuk penerimaan Schoology

#### A. Persepsi Kebergunaan

Persepsi kebergunaan dalam konteks kajian ini didefinisikan sebagai persepsi pelajar terhadap penggunaan Schoology dalam membantu pelajar untuk berkolaboratif, berkongsi bahan pembelajaran dan pertukaran maklumat dalam kalangan pelajar. Schoology menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif berlaku (Biswas 2013) kerana ia adalah LMS yang bercirikan laman jaringan sosial. Justeru itu Schoology dapat meningkatkan prestasi pembelajaran melalui komunikasi yang lebih baik, saling bekerjasama dalam melaksanakan tugas dan memudahkan capaian kepada bahan pembelajaran.

**H1:** Persepsi kebergunaan mempunyai kesan positif terhadap sikap pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif menggunakan Schoology .

#### B. Persepsi Kemudahgunaan

Kemudahgunaan dalam kajian ini boleh didefinisikan sebagai tahap yang mana pelajar mempercayai bahawa menggunakan sesuatu sistem tidak memerlukan usaha yang bersungguh (Davis, 1989). Menurut Waleed Mugahed, Mohd Shahizan dan Mahdi Alhaji (2014), persepsi kemudahgunaan memiliki dua nilai utama iaitu persepsi mudah guna dan juga persepsi keberkesanan

teknologi baharu. Sekiranya persepsi mudah guna pengguna adalah positif, secara tidak langsung ia meningkatkan kecenderungan pengguna dalam menerima sesuatu teknologi.

**H2:** Persepsi kemudahan mempunyai kesan positif terhadap sikap pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif menggunakan Schoology.

### C. Sikap terhadap Pembelajaran Kolaboratif

Sikap ditakrifkan sebagai perasaan positif atau negatif individu terhadap pelaksanaan suatu tingkah laku sasaran (Fishbein & Ajzen 1975). Sikap terhadap penggunaan Schoology dalam kajian ini dinilai sama ada ia dapat memberi impak positif terhadap kecenderungan pelajar dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran secara kolaboratif ataupun sebaliknya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kalayci dan Humiston (2015), dapatan kajian mereka mendapati pembelajaran secara kolaboratif dapat meningkatkan rasa tanggungjawab pelajar terhadap aktiviti pembelajaran masing-masing.

## 3. METODOLOGI

### 3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan kaedah eksperimen bagi meneliti dan menilai penerimaan dan sikap pelajar terhadap Schoology. Mohamad Najib (1999) menyatakan bahawa kaedah eksperimen dalam kajian penyelidikan dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang sesuatu fenomena yang bersabit dengan punca dan akibat. Dapat disimpulkan disini bahawa kajian eksperimen adalah penelitian yang dilakukan untuk mengetahui hasil pelaksanaan suatu pemberian rawatan (*treatment*) atau perlakuan terhadap responden kajian. Dalam konteks pelaksanaan kajian ini, kaedah eksperimen adalah berbentuk *one-shot case study*.

Melalui reka bentuk kajian eksperimen *one-shot case study* ini, pengkaji memberikan rawatan kepada sekumpulan pelajar yang digelar kumpulan eksperimen. Kumpulan eksperimen ini akan didedahkan dengan penggunaan Schoology dalam tempoh tertentu bagi tujuan pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif. Setelah rawatan diberikan, analisis bagi mendapatkan hasil atau kesan daripada rawatan tersebut akan dilakukan (Stanley Ip, et al. 2013). Reka bentuk yang digunakan ini dapat menilai sikap pelajar dan juga menguji dua hipotesis dalam menilai pengaruh tindakan tersebut terhadap penerimaan pelajar daripada segi kemudahan dan kebergunaan Schoology.

### 3.2 Populasi Dan Pensampelan Kajian

Oleh kerana penyelidik adalah pensyarah di KKBT, para pelajar daripada KKBT telah dipilih sebagai responden bagi menguji keberkesanan penggunaan Schoology bagi tujuan pembelajaran secara kolaboratif. Pelajar yang terlibat dengan kajian ini terdiri daripada pelajar KKBT dengan melibatkan 3 buah kelas seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Maklumat berkenaan program Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Teknologi Elektrik.

Jadual 1 : Maklumat pelajar yang terlibat dalam kajian

Bil	Program	Kursus	Jum. Pelajar
1	Sijil Teknologi Maklumat – Sem 4	Pembangunan Laman Web	10
2	Sijil Teknologi Maklumat – Sem 1	Etika Digital dan Keselamatan Sosial	7

### 3.3 Instrumen Kajian


Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai medium pengumpulan maklumat kerana ia bersesuaian dengan objektif kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap. Selain itu, kaedah ini paling sesuai digunakan bagi mencapai matlamat dan memberi kemudahan kepada responden yang dipilih untuk membuat penilaian. Kesemua 17 item soalan diadaptasi daripada kajian lepas dengan melakukan beberapa pengubahsuaian bagi memenuhi objektif kajian. Lima item soalan berkenaan persepsi kemudahan diadaptasi daripada (Davis 1993) dan (Al-Rahimi et al. 2013) dengan pengubahsuaian. Empat item soalan berkenaan persepsi kebergunaan juga diadaptasi daripada (Davis 1993) dan (Al-Rahimi et al. 2013) dengan pengubahsuaian. Bagi pembolehkan sikap terhadap pembelajaran kolaboratif menggunakan Schoology pula diukur berdasarkan lapan item soalan yang diadaptasi daripada (Kalayci 2015).

Pembahagian item soalan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian (A) berkenaan maklumat pelajar iaitu jantina, bangsa, umur, kod dan nama kursus, e-pembelajaran yang pernah digunakan, tahap kelajuan internet dan tahap kemudahan mengakses bahan pembelajaran di Schoology. Bahagian (B) pula berkenaan kemudahan dan bahagian (C) berkenaan kebergunaan Schoology. Akhir sekali adalah bahagian (D) iaitu sikap terhadap penggunaan Schoology bagi tujuan pembelajaran secara kolaboratif. Kesemua tiga pembolehkan ini dinilai berdasarkan lima (5) point skala Likert bermula daripada (1) Sangat Tidak Setuju sehingga kepada (5) Sangat Setuju.

### 3.4 Teknik Pengumpulan Data

Rajah 3 menunjukkan beberapa fasa terlibat dalam pelaksanaan kajian ini. Pada minggu pertama, pensyarah terlebih dahulu akan membina kursus di dalam Schoology bagi mendapatkan kod akses. Kod akses ini akan digunakan oleh pelajar untuk mendaftar kursus di Schoology. Setelah itu, penerangan tentang kaedah penggunaan dan kemudahan yang terdapat pada Schoology diterangkan kepada pelajar. Pada fasa pertama, pelajar telah membina persepsi kemudahan dan kebergunaan terhadap Schoology. Pada minggu kedua hingga keempat, pensyarah mula membentuk kumpulan perbincangan kolaboratif sama ada kecil atau besar.

Pada fasa kedua, wujud interaksi antara para pelajar dengan pelajar dan juga di antara pelajar dengan pensyarah didalam kelas. Aktiviti pada fasa kedua ini akan mempengaruhi sikap pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif menggunakan Schoology. Setelah selesai proses tersebut, pada minggu kelima, borang soal selidik diedarkan kepada pelajar.





#### 4. DAPATAN KAJIAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23.0. Dapatan kajian dibahagikan kepada empat bahagian iaitu :-

- i. Profil demografi bagi mengetahui demografi dan latar belakang responden.
- ii. Analisis deskriptif berpandukan jadual penskoran tahap min bagi pemboleh ubah tidak bersandar dan bersandar.
- iii. Analisis korelasi pearson dijalankan untuk mengkaji dan melihat kekuatan hubungan antara semua pemboleh ubah utama.
- iv. Ujian ke atas hipotesis menggunakan analisis regresi berganda bagi mengetahui perhubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

##### 4.1 Profil Demografi R

Rajah 3: Fasa pelaksanaan *Schoology*

Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi pelajar. Kajian ini melibatkan sebahagian besar pelajar berbangsa Melayu dengan jumlah 77.4% dan hanya 22.6% pelajar berbangsa India. Tiada bangsa Cina atau lain-lain yang terlibat dalam kajian ini. Majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini berjantina lelaki iaitu mewakili sebanyak 67.7% dan selebihnya sebanyak 32.3% adalah. Dapatan mendapati bilangan pelajar yang pernah menggunakan e-pembelajaran hanya 19.4% sahaja manakala kebanyakan pelajar (80.6%) tidak pernah menggunakan e-pembelajaran. Apabila ditanya tahap kelajuan kemudahan internet, majoriti (74.4%) pelajar menandakan jawapan memuaskan pada borang soal selidik. Kebanyakan pelajar iaitu sebanyak 90.3% menganggap bahawa bahan pembelajaran di *Schoology* mudah di capai manakala hanya 9.7% sahaja yang mengalami kesukaran mencapai bahan pembelajaran di *Schoology*.

Jadual 2: Demografi Pelajar

	Bilangan (n= 31)	Peratus (%)
<b>Bangsa</b>		
Melayu	24	77.4
India	7	22.6
<b>Jantina</b>		
Lelaki	21	67.7
Wanita	10	32.3
<b>Penggunaan E-Pembelajaran</b>		
Pernah	6	19.4
Tidak Pernah	25	80.6
<b>Kelajuan Internet</b>		
Paling Memuaskan	5	16.1
Memuaskan	23	74.2
Tidak Memuaskan	3	9.7
<b>Kemudahan Capai Bahan Pembelajaran</b>		
Sangat Mudah	11	35.5
Mudah	17	54.8
Tidak Mudah	3	9.7

#### 4.2 Analisis Taburan Normal Dan Kebolehpercayaan Data

Sebelum data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23, kesemua data yang diperoleh akan di uji datanya sama ada bertaburan secara normal atau tidak bagi mengelakkan kewujudan titik terpencil (*outlier*). Hasil ujian menggunakan kaedah *Shapiro-Wilk* seperti yang ditunjukkan pada jadual 3 mendapati taburan data yang digunakan dalam kajian ini adalah normal dengan tahap signifikan melebihi 0.05.

Jadual 3: Hasil ujian *Shapiro-Wilk*

Pembolehubah	Nilai <i>Shapiro-Wilk</i>
Persepsi Kemudahan (PEOU)	0.305
Perspsi Kebergunaan (PU)	0.079
Sikap Terhadap Pembelajaran Secara Kolaboratif (ATT)	0.231

Kesemua atribut kemudiannya dianalisis untuk melihat kebolehpercayaan menggunakan pekali *Cronbach's Alpha*. Analisis kebolehpercayaan dilakukan bagi menilai tahap kebolehpercayaan data yang diperoleh melalui soalan soal-selidik yang diedarkan kepada responden. Menurut Majid (2000) sekiranya nilai pekali *Cronbach's Alpha* menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaannya amat tinggi dan berkesan manakala nilai alpha melebihi 0.7 menggambarkan kebolehpercayaan yang sangat baik dan boleh diterima. Jadual 4 menunjukkan nilai Alpha bagi setiap pemboleh ubah.

Jadual 4: Jadual Kebolehpercayaan pembolehubah

Pembolehubah	Bilangan Item	Nilai Alpha
Persepsi Kemudahan (PEOU)	5	0.735
Perspsi Kebergunaan (PU)	4	0.745
Sikap Terhadap Pembelajaran Secara Kolaboratif (ATT)	8	0.837

#### 4.3 Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Schoology

Jenis pengukuran lima (5) point Skala Likert dengan pilihan nombor bermula daripada (1) Sangat Tidak Setuju sehingga kepada (5) Sangat Setuju telah digunakan bagi membolehkan para responden menjawab kesemua soalan yang terdapat pada borang soal selidik. Bagi penentuan tahap persepsi pelajar terhadap kemudahan Schoology, jadual pengelasan skor min telah dirujuk daripada Mohd Majid Konting (1990) seperti yang ditunjukkan pada jadual 5.

Jadual 5: Pengelasan Skor Min

Julat Min	Tahap Penilaian
1.00-2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber : Mohd Majid Konting (1990)

Hasil analisis tahap penilaian skor min bagi persepsi kemudahan ditunjukkan pada Jadual . Kelima-lima soalan mendapat hasil dapatan tahap skor min yang tinggi.

Jadual 6 : Analisis Tahap Skor Min bagi Persepsi Kemudahan

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Mudah bagi saya untuk mempelajari cara menggunakan Schoology.	4.35	Tinggi
2	Interaksi saya dengan antaramuka Schoology adalah jelas dan mudah difahami.	4.13	Tinggi
3	Schoology memudahkan saya untuk berinteraksi dengan rakan sekelas.	3.94	Tinggi
4	Schoology memudahkan saya untuk berinteraksi dengan pensyarah.	4.32	Tinggi
5	Schoology menjadikan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah.	3.87	Tinggi
<b>Nilai Purata</b>		<b>4.122</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.4 Persepsi Pelajar Terhadap Kebergunaan Schoology

Hasil analisis tahap skor min bagi persepsi kebergunaan Schoology ditunjukkan pada Jadual . Didapati pelajar bersetuju bahawa Schoology memberi manfaat kepada mereka dalam mengikuti aktiviti pembelajaran didalam kelas dengan kesemua tahap skor min bagi item soalan menunjukkan hasil dapatan tahap yang tinggi.

Jadual 7 : Analisis Tahap Skor Min bagi Persepsi Kebergunaan

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Schoology membantu saya untuk mengikuti segala aktiviti pembelajaran di dalam kelas.	4.48	Tinggi
2	Schoology menjadikan aktiviti pembelajaran saya menjadi lebih efektif.	4.19	Tinggi
3	Schoology membolehkan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan dapat dilaksanakan.	4.10	Tinggi
4	Secara keseluruhannya, Schoology bermanfaat untuk sesi pembelajaran saya.	4.26	Tinggi
<b>Nilai Purata</b>		<b>4.258</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.5 Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Kolaboratif Menggunakan Schoology

Hasil analisis tahap skor min pada Jadual adalah persepsi sikap pelajar terhadap pembelajaran kolaboratif menggunakan Schoology. Kesemua item soalan menunjukkan keputusan tahap skor min yang tinggi.

Jadual 8: Analisis Tahap Skor Min bagi Persepsi Sikap

<b>Bil</b>	<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Saya melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran secara berkumpulan menggunakan Schoology.	3.97	Tinggi
2	Schoology menggalakkan perkongsian pengetahuan, maklumat dan pengalaman.	4.29	Tinggi
3	Schoology membantu saya dalam mendapatkan maklum balas yang berguna daripada rakan sekelas.	4.03	Tinggi
4	Schoology membantu saya dalam mendapatkan maklum balas yang berguna daripada pensyarah	4.35	Tinggi

	kursus.		
5	Schoology menjadikan proses penyelesaian masalah menjadi lebih mudah dengan kaedah perbincangan.	4.16	Tinggi
6	Schoology meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap siri sendiri dan juga pada ahli kumpulan.	4.13	Tinggi
7	Schoology dapat menarik minat saya untuk belajar secara berkumpulan.	4.10	Tinggi
8	Secara keseluruhannya, Schoology bermanfaat untuk digunakan bagi tujuan pembelajaran secara berkumpulan.	4.10	Tinggi
		<b>Purata 4.14</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.6 Hubungan Antara Persepsi Kemudahan Dan Kebergunaan Dengan Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Kolaboraif Menggunakan Schoology

Hubungan antara semua pemboleh ubah yang utama didalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis korelasi dan analisis regresi berganda.

##### 4.6.1 Analisis Korelasi

Analisis korelasi pearson dijalankan untuk mengkaji dan melihat hubungan antara semua pemboleh ubah utama dalam kajian ini. Hasil analisis akan menunjukkan sama ada kesemua pemboleh ubah yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan atau sebaliknya. Skala kekuatan yang dicadangkan oleh Alias Baba (1992) digunakan untuk menentukan tahap kekuatan perhubungan di antara pemboleh ubah seperti yang ditunjukkan pada Jadual .

Jadual 9 : Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi Hubungan
0.01 - 0.20	Sangat Lemah
0.21 - 0.40	Lemah
0.41 - 0.60	Sederhana
0.61 - 0.80	Kuat
0.81 - 1.00	Sangat Kuat

Sumber : Alias Baba (1992)

Jadual 10 menunjukkan matrik korelasi bagi pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kebergunaan (PU) dan sikap (ATT) dengan nilai  $r$  ialah 0.685 ( $p < 0.05$ ). Begitu juga hubungan antara pemboleh ubah kemudahan-PEOU dan sikap-ATT dengan nilai  $r$  ialah 0.596 ( $p < 0.05$ ).

Jadual 10 : Matrik kolerasi antara pemboleh ubah

Pemboleh ubah	PU	ATT	PEOU
PU	1.00	0.685	0.537
ATT		1.00	0.596
PEOU			1.00


##### 4.6.2 Analisis Regresi Berganda

Menurut Hair, Anderson, Tatham and Black (1998), analisis regresi berganda menggunakan nilai daripada pemboleh ubah tak bersandar untuk meramal nilai pemboleh ubah bersandar yang dipilih oleh penyelidik. Analisis ini menumpukan pada nilai  $R^2$  dan  $\beta$  untuk menunjukkan sejauh mana dapatan ini menyokong hipotesis kajian. Jika nilai  $R^2$  yang diperolehi besar, maka ini menunjukkan bahawa model yang digunakan sesuai dengan data kajian. Jadual 11 menunjukkan pemboleh ubah kemudahan dan kebergunaan mempengaruhi 54.3% terhadap sikap pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif.

Jadual 11: Analisis regresi berganda

Pemboleh ubah Bersandar	$R^2$	Pemboleh ubah tak bersandar	Beta ( $\beta$ )	Signifikan
Sikap Terhadap Pembelajaran Kolaboratif (ATT)	0.543	Kebergunaan (PU)	0.513	0.002
		Kemudahan (PEOU)	0.321	0.043

Rajah 4 menunjukkan keputusan model hipotesis. Hasil dapatan menunjukkan persepsi kebergunaan PU ( $H1: PU \rightarrow ATT; \beta = 0.513, p < 0.05$ ) dan persepsi kemudahan PEOU ( $H2: PEOU \rightarrow ATT; \beta = 0.321, p < 0.05$ ) mempengaruhi sikap pelajar ATT secara signifikan dan positif. Jadual 12 menunjukkan analisis keseluruhan bagi teori Model Penerimaan Teknologi (TAM).



Rajah 4: Keputusan Model Hipotesis

Jadual 12: Analisis Keseluruhan Pemboleh Ubah

Hubungan	Arah	Beta ( $\beta$ )	Keputusan (Sokongan kepada hipotesis)
PU $\rightarrow$ ATT	Positif	0.513	Menyokong
PEOU $\rightarrow$ ATT	Positif	0.321	Menyokong

## 5. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan Schoology daripada persepsi kemudahan dan kebergunaan. Selain itu, kajian ini juga akan

menilai sikap pelajar terhadap pelaksanaan pembelajaran kolaboratif menggunakan Schoology di Kolej Komuniti Bentong. Hubungan antara persepsi kemudahan dan persepsi kebergunaan dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap sikap pelajar dalam mengaplikasikan Schoology dalam pembelajaran kolaboratif juga turut akan dikenalpasti. Hasil dapatan data akan dibincangkan seperti dibawah :-

### **5.1 Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Schoology**

Persepsi positif berjaya diperoleh hasil daripada analisis tahap penilaian skor min terhadap kemudahan Schoology seperti yang ditunjukkan pada Jadual . Ini mungkin disebabkan aplikasi Schoology lebih mirip kepada laman sosial Facebook yang biasa digunakan oleh pelajar (Manning et al. 2011). Pelajar tidak mengambil masa yang lama untuk mempelajari cara untuk menggunakannya. Hasil dapatan ini turut selari dengan kajian yang dilakukan oleh Wan Ab Aziz dan Mohammad Taufiq (2017) terhadap pelajar diploma pendidikan awal kanak-kanak di Kolej *Poly-Tech* MARA (KPTM), Kota Bharu. Menurut mereka, antara faktor yang menyumbang kepada persepsi positif pelajar terhadap penggunaan Schoology ialah disebabkan oleh aplikasi Schoology adalah ringkas, mesra pengguna dan fleksibel.

Kesimpulannya pelajar perlu diberi pendedahan tentang cara untuk menggunakan Schoology supaya mereka dapat menggunakan teknologi baharu dengan lebih efektif. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Schlager (2016) mendapati 30% daripada 98 orang pelajar menyatakan kerisauan mereka untuk menggunakan Schoology bagi tugas yang mudah seperti memuat turun nota dan menghantar tugas. Sekiranya tidak dibimbing oleh pensyarah, pelajar tidak dapat menggunakan Schoology dengan berkesan dan efektif.

### **5.2 Persepsi Pelajar Terhadap Kebergunaan Schoology**

Jadual menunjukkan hasil analisis tahap penilaian skor min yang tinggi bagi setiap item soalan. Ini menunjukkan pelajar bersetuju bahawa Schoology memberi manfaat kepada mereka bagi mengikuti aktiviti pembelajaran di dalam kelas dengan tahap skor min menunjukkan hasil dapatan tahap tinggi. Keputusan analisis ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Schlager (2016) terhadap para pelajar di Sekolah Tinggi Awam Midwest. Kajian tersebut menyenaraikan tiga kualiti yang terdapat pada Schoology yang menjadikan sesi pembelajaran menjadi lebih efektif. Antaranya ialah kemudahan capaian, mudah digunakan dan segala maklumat P&P seperti nota, tugas dan lain-lain boleh diperoleh dengan mudah pada bila-bila masa. Hasil dapatan yang sama turut diperoleh oleh Thongmak (2013) menerusi kajian beliau menggunakan Edmodo terhadap pelajar universiti di Thailand. Persepsi kebergunaan menjadi pemboleh ubah utama dalam memberi kesan kepada penerimaan dan penggunaan Edmodo. Menurut pelajar, Edmodo membolehkan pensyarah berkomunikasi dan memberi tugas secara terus kepada pelajar.

Secara kesimpulannya, persepsi kebergunaan boleh mempengaruhi kesediaan dan keyakinan diri pelajar untuk menggunakan e-pembelajaran (Saad, Rahman dan Shiung 2007). Menurut mereka lagi, kesan persepsi kebergunaan akan dapat meningkatkan minat dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran di samping keseronokan untuk belajar secara dalam talian. Justeru itu, apabila pelajar merasakan bahawa Schoology dapat menyediakan bahan-bahan dan maklumat pembelajaran dan sangat berguna, ini akan menyebabkan pelajar memberikan komitmen yang lebih tinggi kepada sesi P&P seperti menghadiri kuliah dan menghantar tugas tepat pada masanya.

### **5.3 Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Kolaboratif Menggunakan Schoology**

Hasil keputusan analisis tahap penilaian skor min pada Jadual menunjukkan sikap yang positif pelajar KKBT terhadap pelaksanaan pembelajaran secara kolaboratif. Sikap pelajar yang positif terhadap pembelajaran secara kolaboratif turut sama diperoleh menerusi kajian yang dilakukan oleh Kalayci dan Kim Rayond (2015). Hasil dapatan kajian tersebut mendapati seramai 71.4% pelajar menyatakan bahawa mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran secara berkumpulan. Selain itu didapati juga kemahiran komunikasi pelajar semakin meningkat dan pelajar

dapat menyiapkan tugas dalam suasana yang lebih tenang apabila pelaksanaan pembelajaran secara berkumpulan dilaksanakan.

Hasil dapatan positif bagi sikap pelajar ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Liaw, Chen dan Huang (2008) terhadap 178 pelajar universiti di Taiwan terhadap sistem pembelajaran kolaboratif berasaskan web. Pelajar tersebut percaya bahawa sesi perkongsian ilmu menjadi lebih efisien dengan pelaksanaan pembelajaran kolaboratif menggunakan sistem berasaskan web. Kajian yang dilakukan oleh Heng-Yu, Hung Wei dan Chatchada Akarasriworn (2013) turut selari dengan dapatan kajian ini. Mereka mendapati seramai 144 orang pelajar (73% daripada keseluruhan pelajar) menyatakan pembelajaran secara kolaboratif menggunakan Blackboard membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih baik berbanding melakukannya secara individu. Secara kesimpulannya pembelajaran secara kolaboratif bukan sahaja melibatkan pemindahan maklumat, tetapi juga menggalakkan pelajar untuk meneroka penggunaan teknologi baharu dan menjana ilmu pengetahuan yang baharu hasil interaksi bersama rakan sekelas.

#### **5.4 Hubungan Antara Persepsi Kemudahan Dan Kebergunaan Terhadap Sikap Pelajar Dalam Mengaplikasikan Schoology Dalam Pembelajaran Kolaboratif.**

Berdasarkan hasil dapatan data menggunakan kaedah analisis korelasi pada Jadual dan regresi berganda terhadap pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar pada Jadual . Antara dua pemboleh ubah tak bersandar tersebut, didapati bahawa persepsi kebergunaan (PU) merupakan penyumbang terbesar dalam mempengaruhi sikap pelajar untuk melaksanakan pembelajaran secara kolaboratif, (PU → ATT;  $\beta=0.513$ ). Sebaliknya, koefisien piawai (beta) untuk persepsi kemudahan (PEOU → ATT); bernilai  $\beta=0.321$ ). Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian asal TAM yang dilakukan oleh Davis (1993) yang mendapati persepsi kebergunaan memberi kesan yang paling kuat keatas penggunaan sebenar teknologi baharu sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi sikap pengguna. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Farahat (2012) ke atas penggunaan e-pembelajaran oleh pelajar universiti di Mesir. Hasil kajiannya menyokong bahawa persepsi kebergunaan merupakan peramal terkuat sikap pelajar berbanding persepsi kemudahan.

Menurut Maslin (2007) pula, pelajar akan memberi fokus kepada kebergunaan sesuatu sistem apabila mereka menerima suatu teknologi baharu untuk digunakan. Menurut Maslin lagi, penyediaan latihan yang sewajarnya adalah penting bagi meningkatkan persepsi pelajar terhadap kebergunaan suatu teknologi baharu. Pendapat ini turut disokong oleh Brown Dennis dan Vankatesh (2010) yang menyatakan bahawa sekiranya satu kumpulan yang menerima teknologi baharu tidak menerima sebarang sokongan cara penggunaan, mereka akan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan.

## **6. IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN**

### **6.1 Implikasi Kepada Pelajar**

Sikap positif pelajar terhadap pembelajaran secara kolaboratif dengan menggunakan Schoology dapat dilihat daripada hasil dapatan analisis data. Kebanyakan pelajar KKBT yang sebelum ini tidak pernah menggunakan sebarang e-pembelajaran merasa teruja dengan penggunaan Schoology ini. Pelajar seharusnya mengambil peluang dalam mengambil manfaat yang terdapat pada teknologi baharu dalam meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Penggunaan Schoology dalam sesi P&P jelas merupakan satu pendekatan yang positif, malah ia dapat membantu meningkatkan minat pelajar dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan. Pelajar juga secara tidak langsung dapat membina kemahiran sosial, kemahiran berkomunikasi serta kemahiran untuk menyelesaikan masalah.

### **6.2 Implikasi Kepada Pensyarah**

Penggunaan Schoology di KKBT secara tidak langsung dapat memudahkan tugas pensyarah dalam sesi penyampaian ilmu pengetahuan. Pensyarah dapat merancang strategi yang terbaik untuk menerapkan penggunaan e-pembelajaran semasa proses P&P berlangsung. Interaksi yang berlaku

antara pensyarah dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar akan menjadikan sesi pembelajaran lebih aktif dan efisien. Apabila penggunaan Schoology dilaksanakan dengan bersungguh, aktiviti pembelajaran akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

### 6.3 Cadangan Kajian Akan Datang

Kesemua hasil penemuan dalam kajian ini adalah terbatas kepada pelajar yang terlibat dalam proses P&P di KKBT sahaja. Seramai 31 orang pelajar daripada kursus teknologi maklumat dan teknologi elektrik dijadikan responden dalam kajian ini. Data yang berbeza mungkin diperoleh sekiranya responden kajian melibatkan pelajar daripada kursus yang berlainan. Pelaksanaan kajian ini menggunakan platform pembelajaran Schoology dalam menguji penerimaan dan sikap pelajar. Dapatan data yang berbeza mungkin berlaku sekiranya platform pembelajaran lain digunakan dalam kajian ini. Pelaksanaan e-pembelajaran ini juga adalah merujuk kepada aspek pelaksanaan amalan e-pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar sahaja. Tidak termasuk pelaksanaan e-pembelajaran daripada aspek pensyarah mahupun pihak Kolej Komuniti Bentong.

Reka bentuk kajian pada masa hadapan juga boleh dilaksanakan dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dengan melibatkan kaedah temu bual dengan pelajar dilaksanakan. Selain itu dicadangkan agar kajian terhadap pensyarah juga dapat dilaksanakan pada masa hadapan agar dapat mengkaji persepsi pensyarah Kolej Komuniti terhadap Schoology ini. Memandangkan responden kajian ini terhad di KKBT sahaja, kajian lanjutan yang lebih meluas merangkumi seluruh Kolej Komuniti di sekitar Pantai Timur wajar difikirkan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berhubung penggunaan Schoology di Kolej Komuniti Wilayah Timur.

## 7. RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Keputusan yang diperoleh hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Dapatan menunjukkan persepsi kemudahan dan kebergunaan mempengaruhi sikap pelajar secara signifikan. Manfaat daripada pembelajaran kolaboratif menggunakan teknologi web 2.0 iaitu Schoology ini memang tidak dapat disangkal lagi. Perkembangan teknologi ICT yang semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar memberi kelebihan kepada pendidik dalam memberi penambahbaikan kepada kaedah P&P mereka.

Kepelbagaian teknologi ICT yang tersedia perlu sentiasa diterokai dan dimanipulasi oleh pensyarah dan pelajar bagi memastikan Kolej Komuniti sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi ICT dan Kolej Komuniti tidak ketinggalan dalam menggunakannya. Tidak kira sama ada e-pembelajaran dilaksanakan secara sepenuhnya atau secara teradun, ia memerlukan komitmen pelajar bagi memastikan bahawa objektif e-pembelajaran dapat dicapai.

## RUJUKAN

- Ab, W. & Wan, A. 2017. the Acceptance of Schoology Among Early Childhood Education Student At Mara Poly-Tech College ( Kptm ) 3(6): 133–142.
- Ahmed Tajudeen, S., Basha, K. M., AbdulRahman, N. S. N. & Ahmad, T. B. T. 2011. Investigating students' attitude and intention to use social software in higher institution of learning in Malaysia Ahmed. *Investigating students' attitude and intention to use social software in higher institution of learning in Malaysia*. doi:10.1108/09574090910954864
- Al-Rahimi, W. M., Othman, M. S. & Musa, M. A. 2013. Using TAM model to measure the use of social media for collaborative learning. *International Journal of Engineering Trends and Technology* 5(2): 90–95.
- Al-Rahmi, W. M., Othman, M. S. & Musa, M. A. 2014. The improvement of students' academic performance by using social media through collaborative learning in Malaysian higher education. *Asian Social Science* 10(8): 210–221. doi:10.5539/ass.v10n8p210



- Al-Rahmi, W. M. & Zeki, A. M. 2016. A model of using social media for collaborative learning to enhance learners' performance on learning. *Journal of King Saud University - Computer and Information Sciences* (October). doi:10.1016/j.jksuci.2016.09.002
- Alvino, S. & Persico, D. 2009. The relationship between assessment and evaluation in CSCL. *Encyclopedia of Information Communication Technology* (January): 698–703. doi:10.4018/978-1-59904-845-1.ch092
- Biswas, S. 2013. Schoology-Supported Classroom Management: A Curriculum Review. *Northwest Journal of Teacher Education* 187.
- Boulos, M. N. K. & Wheeler, S. 2007. The emerging Web 2.0 social software: An enabling suite of sociable technologies in health and health care education. *Health Information and Libraries Journal* 24(1): 2–23. doi:10.1111/j.1471-1842.2007.00701.x
- Brindley, J., Blaschke, L. & Walti, C. 2009. Creating effective collaborative learning groups in an online environment. *The International Review of Research in Open and Distributed Learning* 10(3): 1–18.
- Brinton, C. G. & Chiang, M. 2014. Social learning networks: A brief survey. *Information Sciences and Systems (CISS), 2014 48th Annual Conference on* 1–6. doi:10.1109/CISS.2014.6814139
- Brown, S. A., Dennis, A. R. & Venkatesh, V. 2010. Predicting Collaboration Technology Use: Integrating Technology Adoption and Collaboration Research. *Journal of Management Information Systems* 27(2): 9–54. doi:10.2753/MIS0742-1222270201
- Cain, J. & PolICASTRI, A. 2011. Using Facebook as an informal learning environment. *American journal of pharmaceutical education* 75(10): 207. doi:10.5688/ajpe7510207
- Chaudhry, L. D. X. A. M. T. S. S. 2007. Research and Analysis of Ajax Technology Effect on Information System Operating Efficiency. *Research and Practical Issues of Enterprise Information Systems II Volume 1* 254: 641–649. doi:10.1007/978-0-387-75902-9\_71
- Davis, F. 1986. A Technology Acceptance Model For Empirically Testing New End-User Information Systems: Theory And Results. *Phdthesis - Massachusetts Institute Of Technology*. Doi:10.1016/S0378-7206(01)00143-4
- Davis, F. 1989. Perceived Usefulness , Perceived Ease Of Use , And User Acceptance. *MIS Quarterly* 13(3): 319–339. doi:10.2307/249008
- Davis, F. D. 1993. User acceptance of information technology: system characteristics, user perceptions and behavioral impacts. *International Journal of Man-Machine Studies*. doi:10.1006/imms.1993.1022
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P. & Warshaw, P. R. 1989. User Acceptance of Computer Technology : a Comparison of Two Theoretical Models \*. *Management* 35(8): 982–1003.
- Dillenbourg, P. 1999. What do you mean by "collaborative learning"? *Collaborative learning Cognitive and computational approaches* 1(6): 1–15. doi:10.1.1.167.4896
- Durak, G. 2017. Using Social Learning Networks ( SLNs ) in Higher Education : Edmodo Through the Lenses of Academics Using Social Learning Networks ( SLNs ) in Higher Education : Edmodo Through the Lenses of Academics 18(1). doi:10.19173/irrodl.v18i1.2623
- Embi, M. A. 2010. *Amalan, Keberkesanan & Cabaran Pelaksanaan e-Pembelajaran di IPT Malaysia*.
- Esteves, K. K. 2012. Exploring Facebook to Enhance Learning and Student Engagement : A Case from the University of Philippines ( UP ) Open University. *Malaysian Journal of Distance Education* 14(1): 1–15.
- Farahat, T. 2012. Applying the Technology Acceptance Model to Online Learning in the Egyptian Universities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 64: 95–104. doi:10.1016/j.sbspro.2012.11.012
- Fishbein, M. & Ajzen, I. 1975. Belief, Attitude, Intention and Behaviour: An Introduction to Theory and Research. *Reading MA AddisonWesley* (August): 480. doi:10.2307/2065853
- González, M. R., Gasco, J. & Llopis, J. 2016. Facebook and academic performance: A positive outcome. *Anthropologist* 23(1–2): 59–67. doi:10.1080/09720073.2016.11891924
- Kalayci, S. 2015. Students' Attitudes Towards Collaborative Tools In A Virtual Learning Environment. *Educational Process: International Journal* 4(1–2): 71–86. doi:10.12973/edupij.2015.412.6
- Kalayci, S. & Kim Rayond, H. 2015. Students' Attitudes Towards Collaborative Tools In A Virtual

- Learning Environment. *Educational Process: International Journal* 4(1–2): 71–86. doi:10.12973/edupij.2015.412.6
- Kaplan, A. M. & Haenlein, M. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons* 53(1): 59–68. doi:10.1016/j.bushor.2009.09.003
- Laal, M. & Laal, M. 2012. Collaborative learning: What is it? *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 31(2011): 491–495. doi:10.1016/j.sbspro.2011.12.092
- Lampe, C., Wohn, D. Y., Vitak, J., Ellison, N. B. & Wash, R. 2011. Student use of Facebook for organizing collaborative classroom activities. *International Journal of Computer-Supported Collaborative Learning* 6(3): 329–347. doi:10.1007/s11412-011-9115-y
- Lee, J., Lee, Y. & Kim, M. H. 2015. Perceptions of Teachers and Students towards Educational Application of SNS and its Educational effects in middle school class. *Turkish Online Journal of Educational Technology* 14(4): 124–134.
- Li, X., Ganeshan, K. & Xu, G. 2012. The role of Social Networking Sites in e-learning. 2012 *Frontiers in Education Conference Proceedings* 1–6. doi:10.1109/FIE.2012.6462424
- Liu, P. G., Gundecha, P. & Liu, H. 2014. INFORMS Tutorials in Operations Research Mining Social Media : A Brief Introduction Mining Social Media : A Brief Introduction (February 2015).
- Manning, C., Brooks, W., Crotteau, V., Diedrich, A., Moser, J. & Zwiefelhofer, A. 2011. Tech Tools for Teachers, By Teachers: Bridging Teachers and Students. *Wisconsin English Journal* 53(1): 24–28. Retrieved from <http://journals.library.wisc.edu/index.php/wej/article/viewFile/379/444>
- Mao, J. 2014. Social media for learning: A mixed methods study on high school students' technology affordances and perspectives. *Computers in Human Behavior* 33: 213–223. doi:10.1016/j.chb.2014.01.002
- Masrom, M. 2007. Technology acceptance model and E-learning. *12th International Conference on Education* (May): 21–24. doi:10.1002/dir
- MCMC. 2017. Internet Users Survey 2017 1–53. Retrieved from <http://www.mcmc.gov.my>
- Normah, Amizah, W. & Fauziah. 2013. Kebergantungan Internet Dan Aktiviti. *Kebergantungan Internet Dan Aktiviti Online Remaja* 29(1): 199–212.
- Olga Pilli, A. 2014. LMS Vs. SNS: Can Social Networking Sites Act as a Learning Management Systems? *American International Journal of Contemporary Research* 4(5): 90–97.
- Petrovic, N., Jeremic, V., Cirovic, M., Radojicic, Z. & Milenkovic, N. 2014. Facebook Versus Moodle in Practice. *American Journal of Distance Education* 28(2): 117–125. doi:10.1080/08923647.2014.896581
- Racham, P. & Firpo, D. 2011. Using Social Networking Technology to Enhance Learning in Higher Education: A Case Study Using Facebook. *44th Hawaii International Conference on System Sciences* 1–10. doi:10.1109/HICSS.2011.479
- Schlager, D. 2016. Schoology : The Adoption of a Learning Management System Schoology : The Adoption of a Learning Management System.
- Shu-Sheng, G.-D. dan H.-M. 2008. Users' attitudes toward Web-based collaborative learning systems for knowledge management. *Computers & Education* 50(3): 950–961. doi:10.1016/j.compedu.2006.09.007
- Smith, N. V. 2013. Face-to-face vs. Blended Learning: Effects on Secondary Students 'Perceptions and Performance. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 89: 79–83. doi:10.1016/j.sbspro.2013.08.813
- Sukru, B. & Salih, T. 2014. Facebook Addiction Among High School Students in (June): 119–133.
- Taranto, G., Dalbon, M. & Gaetano, J. 2011. Academic social networking brings Web 2.0 technologies to the middle grades. *Middle School Journal* May(5): 12–19. doi:10.2307/23047750
- Thongmak, M. 2013. Social Network System in Classroom: Antecedents of Edmodo © Adoption. *Journal of e-Learning and Higher Education* 2013: 1–15. doi:10.5171/2013.657749
- Tulgan, B. 2013. Meet Generation Z : The second generation within the giant “ Millennial ” cohort. *RainmakerThinking, Inc.* 1–13. Retrieved from <http://rainmakertthinking.com/assets/uploads/2013/10/Gen-Z-Whitepaper.pdf>
- Wah, L. K., Keong, T. C., Lajium, D. & Ing, N. S. 2013. Understanding the blended learning experiences of english language teachers in a distance TESL degree programme in Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)* 65(2): 55–65. doi:10.11113/jt.v65.2350

Zakaria, M. H., Watson, J. & Edwards, S. L. 2010. Investigating the use of Web 2.0 technology by Malaysian students. *Multicultural Education & Technology Journal* Vol. 4 No.: 17–29.  
doi:10.1108/MBE-09-2016-0047

Copyright@FTSM